

KENYATAAN AKHBAR

CIDB AKAN AMBIL TINDAKAN IKUT AKTA 520 (PINDAAN 2011)

Kuala Lumpur, 26 Julai: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan mengambil tindakan undang-undang kepada kontraktor utama dan sub kontraktor berhubung kemalangan tingkat bangunan sebuah pusat beli-belah yang masih dalam binaan di Pulau Sebang, Alor Gajah pada 22 Jun 2015 jika didapati mereka bersalah.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Dato' Sri Ir Dr Judin Abd Karim berkata, dalam hal ini jika mereka disabitkan bersalah mereka boleh didakwa mengikut Akta 520 (Pindaan 2011) yang baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015.

“CIDB tidak akan berkompromi untuk mengambil tindakan kepada kontraktor utama jika ia terbukti melantik sub kontraktor menjalankan kerja pembinaan tanpa pendaftaran sah CIDB.

“Akta 520 (Pindaan 2011) adalah usaha CIDB untuk mengutamakan kualiti dan keselamatan dalam pembinaan. Sebab itulah pindaan akta ini dikuatkuasakan kerana kita tidak mahu kecuaiian seumpama ini terus berulang dan mengancam nyawa serta keselamatan awam,” katanya.

Siasatan awal CIDB mendapati, kontraktor utama projek yang bernilai RM 83.8 juta itu adalah Jurustra Sdn. Bhd. yang merupakan kontraktor Gred 7 dan mempunyai lesen pendaftaran CIDB yang sah sehingga Oktober 2017.

Walau bagaimanapun, sub kontraktor yang dilantik oleh kontraktor utama berkenaan, Wee Lim Constraction & Trading tidak berdaftar dengan CIDB disamping kesemua pekerjaanya yang cedera tidak memiliki kad perakuan kerja sah CIDB iaitu Kad Hijau.

Jika disabitkan bersalah, kontraktor utama boleh didakwa di bawah seksyen 34B (1) (Kewajipan Kontraktor) kerana mengambil subkontraktor tidak berdaftar dan melanggar peruntukan akta yang boleh menyebabkan kontraktor berkenaan dikenakan penalti maksimum sehingga RM 500 ribu.

Bukan itu sahaja, kontraktor berkenaan juga boleh didakwa di bawah seksyen 34 (D) (1) (Kematian yang disebabkan oleh pelanggaran kewajipan oleh kontraktor) yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda maksimum juga RM500 ribu atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Manakala, sub kontraktor pula boleh didakwa di bawah seksyen 25 dan boleh didenda di antara RM10 ribu sehingga RM 100 ribu.

Sehubungan itu, CIDB memberi amaran tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas kepada kontraktor yang terbukti melanggar peraturan sebagaimana yang termaktub dalam Akta 520 (Pindaan 2011).

Bukan itu sahaja, CIDB juga memandang serius pematuhan kontraktor kepada semua undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan pembinaan, terutama sekali yang melibatkan isu keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak bina dan orang awam.

Ini termasuk Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154), Akta Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan 1994 (Akta 514), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Kanun Kesenaksaan (Akta 574).

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Noryani Ismail noryani@cidb.gov.my 03-40477027 / 019-2856867

Abdul Rakis Santa rakis@cidb.gov.my 03-40477018 / 012-6200360